

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-

- (a) langkah yang dilakukan Kementerian di dalam membantu lambakan bakal usahawan baru yang dijangka meningkat akibat pengangguran yang berpunca daripada pandemik COVID-19; dan
- (b) berapakah jumlah penerima skim bantuan usahawan melibatkan penjaja dan peniaga mikro yang telah diluluskan serta sudah menerima wang peruntukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) komited dalam usaha untuk membantu usahawan termasuk PKS yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 dengan melaksanakan program pembiayaan, latihan dan pembangunan kapasiti.

2. Pelan Pemulihan ini mengandungi **29 program jangka pendek dan sederhana di bawah enam (6) strategi** yang dijangka akan memanfaatkan lebih 20,000 penerima dan melibatkan **kos peruntukan yang dianggarkan sebanyak RM 362.79 juta bagi pelaksanaan tahun**

**2020 dan 2021.** 6 strategi telah dirangka khusus bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan.

3. Objektif utama pelaksanaan Pelan Pemulihan ini adalah bagi memastikan pemulihan serta kelestarian operasi perniagaan usahawan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Tempoh masa pelaksanaan adalah selama 1 tahun dan terbahagi kepada 2 fasa seperti berikut:

**Fasa 1:** Mei hingga Disember 2020; dan

**Fasa 2:** Januari hingga Mei 2021.

4. Di antara program-program yang terlibat adalah Pembiayaan Covid Business Recovery-Micro (CBRM), Program TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS) dan Program TEKUN Mobilepreneur di bawah **TEKUN Nasional**; SME Technology Transformation Fund (STTF) dan Skim SME GO di bawah **SME Bank**; dan BR-CARES dan BizLady khusus untuk usahawan wanita di bawah **Bank Rakyat**.

5. Sejak tahun 1998 sehingga Mei 2020, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM5.9 billion dan seramai 449,818 orang usahawan telah menerima manfaat.

6. Di samping itu, **Program Micro Connector** oleh **SME Corp. Malaysia** juga menawarkan bantuan berbentuk pembangunan kapasiti iaitu latihan di peringkat awal kepada usahawan mikro untuk memulakan perniagaan. Program ini juga ditawarkan kepada komuniti B40 agar dapat menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2016, seramai 107 usahawan merangkumi golongan penjaja dan peniaga mikro telah menerima manfaat dari program ini.

7. Dengan pengenalan inisiatif-inisiatif ini Kementerian yakin ianya dapat menyokong dan membantu lambakan usahawan baharu yang dijangka memulakan perniagaan mereka berikutan kesan pandemik COVID-19. Sekian, terima kasih.